

4 pelajar bakal ke Paris

» Menang hadiah utama, kedua pertandingan Reka Bentuk NST-Peugeot

Oleh Eunice Au

bhnews@mediaprima.com.my

► Shah Alam

Empat penuntut universiti berpeluang melawat kemudahan kajian dan reka bentuk pengeluar kereta terkemuka Perancis, Peugeot di Velizy selepas memenangi hadiah utama dalam siri kedua Pertandingan Reka Bentuk NST-Peugeot.

Pasangan pemenang hadiah utama, Nor Azieiwani Mohd Ghani, 23, dan Ahmad Syafiq Aiman Mohamed Raziff, 23, juga memenangi percutian lima hari ke Paris, wang tunai RM1,500 dan barangan Pe-

ugeot bernilai 100 Euro (RM421).

Nor Azieiwani, penuntut Sarjana Muda Reka Bentuk Industri dari Universiti Sains Malaysia (USM), berkata mereka mendapat inspirasi reka bentuk kereta lumba dan menggabungkannya dalam rekaan kereta sport itu.

Mereka ditemui selepas majlis penyampaian hadiah di Nasim Peugeot Blue Box, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Nasim Sdn Bhd, Datuk Samson Anand George dan Editor Pengurusan New Straits Times (NST), Datuk Nuraina Samad

Penyertaan kali kedua

Rakan sepasukannya, Ahmad Syafiq, berkata, mereka bertuah kerana ia penyertaan kali kedua dalam pertandingan Reka Bentuk NST-Peugeot.

"Pada kali pertama, kami memperoleh hadiah sagu hati. Kami diminta mereka bentuk kereta kompak, sesuatu yang senang kerana ia kereta yang



Nuraina (berdiri dua dari kiri) dan Samson bergambar bersama pemenang Hadiah Pertandingan Mereka Bentuk NST-Peugeot, semalam.

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

kita gunakan setiap hari.

"Mereka bentuk kereta sport satu cabaran yang berlainan, membolehkan kami lebih berimaginasi.

"Kami mereka bentuk skala model secara manual, kecuali rim tayar," katanya.

Penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA), memenangi tempat kedua, Mohammad Afwan Hussin, 21, dan Mohamed Saiful Abdul Halim, 20, turut menyertai pemenang

hadiah utama ke Paris.

Mohammad Afwan berkata, mereka mendapat inspirasi daripada logo singa Peugeot dan menggabungkan ciri kepala singa itu pada reka bentuk kereta sport mereka.

"Kami menterjemahkan DNA Peugeot kepada reka bentuk kereta itu.

"Ciri lain gigi, hidung dan mata singa itu diterjemahkan pada model kereta itu," katanya.